

02 SEP 1998

Najib-Lulus

BANK NEGARA JAMIN PERMOHONAN HANTAR WANG BAGI PENDIDIKAN DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata Bank Negara Malaysia telah memberi jaminan bahawa semua permohonan penghantaran wang ke luar negara bagi tujuan pendidikan akan diluluskan secepat mungkin.

Katanya, Bank Negara akan memberi kelulusan asalkan permohonan itu disokong dengan bukti yang jelas seperti yuran yang dikenakan dan bayaran saraan hidup di luar negara ketika belajar dinyatakan.

"Walaupun kita menghadkan penghantaran duit keluar tetapi bagi urusan kritikal seperti membuat lawatan kerana perniagaan atau untuk menyambung pelajaran ke luar negara serta tujuan pendidikan lain, permohonan akan diluluskan," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Antara langkah drastik bagi mengawal tukaran ringgit yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam ialah had membawa ringgit ke luar negara bagi pemastautin di Malaysia ditetapkan RM10,000.

Menurut Najib, kementerian telah diberi jaminan pada mesyuarat Kabinet hari ini bahawa langkah drastik kerajaan itu tidak akan menjejaskan usaha menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan.

Najib turut menjelaskan kenyataan beliau baru-baru ini bahawa kementerian akan menawarkan pelajar tahun tiga menduduki Penilaian Tahap Satu (PTS) mulai tahun depan secara sukarela.

"Di sini saya ingin jelaskan konsep sukarela itu iaitu pelajar boleh memilih sama ada ingin menduduki ujian Pencapaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang dikendalikan oleh sekolah bagi melayakkan mereka menduduki ujian aptitud atau tidak.

"Secara sukarela juga bermakna mereka yang berjaya dalam ujian PBS boleh mengambil atau tidak mengambil ujian aptitud yang ditadbirkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

"Bagi pelajar yang lulus PTS dan layak melangkau ke Tahun 5 mempunyai pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran tersebut," katanya.

Najib menegaskan bahawa PTS adalah ujian bagi tujuan memilih murid yang benar-benar cemerlang, yang kira-kira satu peratus daripada jumlah keseluruhan murid di Tahun 3 untuk melangkau ke Tahun 5.

Pada tahun lepas, kementerian telah memutuskan untuk memasukkan elemen ujian PBS sebagai satu daripada komponen dalam PTS, di samping ujian aptitud yang dikendalikan secara berpusat.

-- BERNAMA

NZ NMO